

09 OCT 1996

Mahathir - MT

TIGA ANGGOTA MUFLIS DIBENAR HADIR PERHIMPUNAN AGUNG

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Tiga daripada 15 anggota Umno, yang sebelum ini dibatalkan kelayakan mereka sebagai perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno esok kerana muflis, kini boleh menghadiri perhimpunan itu, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini memberi semula taraf perwakilan kepada mereka selepas berpuas hati bahawa ketiga-tiganya sudahpun terlepas daripada tindakan muflis.

Mereka ialah Che Rohim Che Jusoh dari Bahagian Batu (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), Omar Hussein dari Bahagian Bukit Bendera (Pulau Pinang) dan Ansari Abdullah Ali dari Bahagian Tuaran (Sabah), kata Dr Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat MT di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Beliau berkata Jawatankuasa Teknikal, yang dipengerusikan Datuk Zaki Tun Azmi, sudahpun menerima surat pelepasan tindakan muflis daripada ketiga-tiga perwakilan itu dan mengesahkannya dengan Pemegang Harta.

Dengan pemberian semula taraf perwakilan itu, beliau berkata Perhimpunan Agung Umno esok akan dihadiri 1,872 orang perwakilan iaitu 44 mewakili MT, seramai 1,768 perwakilan bahagian dan masing-masing 30 perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu juga menyerahkan kepada MT yang akan datang untuk menentukan sama ada Jawatankuasa Khas Pemilihan Parti yang beliau pengerusikan sekarang akan dikekalkan atau tidak.

Jika dikekalkan, jawatankuasa itu akan terus meneliti kes-kes politik wang, salah guna kuasa dan melanggar larangan berkempen pada dan sebelum perhimpunan sekarang, katanya.

Beliau mengulangi amarannya bahawa tindakan akan diambil terhadap mana-mana calon atau perwakilan yang terbukti melanggar peraturan-peraturan itu walaupun selepas mereka memenangi jawatan yang ditandingi.

Dr Mahathir berkata MT turut menerima Ketua Pergerakan Pemuda baru, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Pergerakan Wanita baru, Datuk Dr Siti

"MT mengucapkan tahniah kepada mereka berdua dan mereka telah mengangkat sumpah sebagai anggota MT malam ini," katanya.

Ahmad Zahid, yang juga bekas Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda Umno, mendapat 199 undi untuk menewaskan empat pencabar lain, termasuk penyandang jawatan itu, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Dr Siti Zaharah, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, mendapat 271 undi untuk mengalahkan penyandangannya, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir berkata MT menerima permohonan 200,000 bekas anggota Parti Melayu Semangat 46, yang dibubarkan Ahad lepas, untuk menyertai Umno.

Beliau berkata borang yang diserahkan oleh bekas presiden parti itu, Tengku Razaleigh Hamzah, semalam akan diproses oleh ibu pejabat parti.

Selain itu, MT meluluskan tiga usul -- Ucapan Terima Kasih kepada Ucapan Presiden, pendidikan dan agama -- untuk dibentangkan esok.

Dr Mahathir juga mengingatkan para perwakilan bahawa mereka tidak dibenarkan sama sekali menggunakan telefon bimbit ketika menghadiri perhimpunan itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Larangan menggunakan telefon bimbit juga dikuatkuasakan di tempat mengira undi, katanya. -- BERNAMA

AH ARA ZAB NAK